

JURNAL EKONOMI MALAYSIA

MALAYSIAN JOURNAL OF ECONOMICS

Jilid
Volume **52(1)**

ISSN 0126-1962

Jun
June **2018**

Makalah/Article

- Market Risk and Efficiencies of the Malaysian Banking Industry: The Post-merger and Acquisition Examination 1
Mohd Fahmee Ab-Hamid, Aisyah Abdul-Rahman, Mariani Abdul-Majid & Hawati Janor
- Nonlinear Relationship between Financial Development and Economic Growth: Evidence from Post Global Financial Crisis Panel Data 15
Elya Nabila Abdul Bahri, Abu Hassan Shaari Md Nor, Tamat Sarmidi & Nor Hakimah Haji Mohd Nor
- Keupayaan Menyerap dan Limpahan Pengetahuan: Bukti Baharu daripada Modal Manusia dan R&D 31
Nur'Jila Mohammad, Tamat Sarmidi & Abu Hassan Shaari Md Nor
- Evaluating Visitor's Preferences of Ecotourism and Management Attributes in Kubah National Park: A Choice Experiment Approach 45
Nor Afiza Abu Bakar, Dayang Affizzah Awang Marikan, Salbiah Edman & Siti Aisyah Ya'kob
- Dynamic Interdependence of the Indonesian Rupiah with the ASEAN and the World Largest Forex Markets 57
M. Shabri Abd. Majid, Hizir Sofyan & Moh. Rizky Rahmenda
- Estimating Fiscal Reaction Functions in Malaysia, Thailand and the Philippines 67
Evan Lau & Alvina Lee Syn-Yee
- Pengurusan Fiskal Pihak Berkuasa Tempatan Yang Berstatus Majlis Bandaraya di Zon Tengah Semenanjung Malaysia 77
Norain Mod Asri, Zulkefly Abdul Karim, Norlaila Abu Bakar, Zafirah Husin, Muhammad Harith Hasnan & Muhammad Idris Hamid
- Trade Linkages and Skill Demand: Empirical Evidence for the Malaysian Electrical and Electronics Industries 89
Azmafazilah Jauhari & Noor Aini Khalifah
- Does Country With Multi-ethnic, Multi-linguistic and Multi-religious Society Induce Tourist Arrivals? Worldwide Evidence 105
Muzafar Shah Habibullah, Badariah Haji Din & Siow-Hooi Tan
- Kos Sara Hidup Tinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah yang Perlahan atau Taraf Hidup yang Meningkatkan? 117
Mohd Aqmin Abdul Wahab, Hazrul Izuan Shahiri, Mustazar Mansur & Mohd Azlan Shah Zaidi
- Box Cox- Fourier Flexible Functional Forms in Stochastic Metafrontier Analysis: The Cost Efficiency of the Insurance Industry in Malaysia 135
Roziana Baharin & Zaidi Isa
- Cadangan Kodifikasi Akta Zakat Nasional dan Penubuhan Majlis Zakat Negara 145
Mohd Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor & Hairunnizam Wahid

Human Capital, Intrinsic Motivation and Poverty of Elderly in Later Life <i>Supian Mat Salleh & Noreha Halid</i>	157
The impacts of Malaysian free trade agreements on margins of trade <i>Rashidi Said & Normaz Wana Ismail</i>	169
Islamic Social Banking: The Way Forward <i>M. Luthfi Hamidi & Andrew C. Worthington</i>	179
Does Financial Development Contribute to Fertility Decline in Malaysia? An Empirical Investigation <i>Asma Rashidah Idris, Muzafer Shah Habibullah & Badariah Haji Din</i>	191
The Impact of Electricity Consumption on Economic Growth in Malaysia: Evidence from ARDL Bounds Testing <i>Muhammad Khalid, A.K. & Nur-Syazwani, M.</i>	205
Impact of Innovation on Corruption <i>Ismaily Johari & Saifuzzaman Ibrahim</i>	215
Macroeconomic Variables and In-Migration in Malaysia's Developed States <i>Nor Ermawati Hussain, Mohd Shahidan Shaari, Noor Haslina Mohamad Akhir & Diana Nabila Chau Abdullah</i>	225
Arrangers' Identity and the Syndicate Structure of Sukuk <i>Zairihan Abdul Halim, Nadisah Zakaria, Roza Hazli Zakaria & Hazman Samsudin</i>	243
The Role of Human Capital and Innovation Capacity on Economic Growth in ASEAN-3 <i>Suriyani Muhamad, Nor Fatimah Che Sulaiman & Jumadil Saputra</i>	257
Pengaruh Tindakan Afirmatif Kepada Agihan Kekayaan Antara Etnik di Malaysia <i>Muhammad Najit Sukemi, Madeline Berma, Shamsul Amri Baharuddin & Faridah Shahdan</i>	269
Determinants of Muslim Household Basic Needs Consumption Expenditures <i>Noorhaslinda Kulub Abd. Rashid, Aslina Nasir, Zuraini Anang, Roseliza Mat Alipiah, Rahmah Ismail, Sanap Ahmad & S. Shahida</i>	283
Outward Foreign Direct Investment and Domestic Output: Evidence from East Asian Economies <i>Morteza Kazemi, W.N.W. Azman-Saini & Naseem N.A.M</i>	297
Revisiting Relationship Between Malaysian Stock Market Index and Selected Macroeconomic Variables Using Asymmetric Cointegration <i>Hakimah Nur Ahmad Hamidi, Norlin Khalid & Zulkefly Abdul Karim</i>	311

Cadangan Kodifikasi Akta Zakat Nasional dan Penubuhan Majlis Zakat Negara (Proposal on Codification of the National Zakat Act and the Establishment of the National Zakat Council)

Mohd Suffian Mohamed Esa

Mohd Ali Mohd Noor

Hairunnizam Wahid

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Di antara cabaran utama pengurusan zakat di Malaysia ialah bagaimana hendak menangani kesan daripada perundangan zakat sedia ada yang tidak komprehensif. Ia termasuk masalah penguatkuasaan dan ketidakseragaman perundangan zakat di setiap negeri. Semua masalah ini telah mengakibatkan kepincangan kutipan zakat bermula dari masalah pengelakan membayar zakat, hilang keyakinan terhadap institusi zakat bertauliah hinggalah kepada masalah agihan zakat yang kecil di sebahagian negeri di Malaysia. Dengan mengkodifikasikan akta zakat, iaitu dengan mewujudkan satu perundangan yang seragam di peringkat Persekutuan semua masalah di atas boleh ditangani dengan baik. Ini kerana zakat pendapatan khususnya merupakan sumber utama institusi zakat pelbagai negeri. Justeru, kajian ini meninjau persepsi awal dalam kalangan pembayar zakat, amil (pelaksana) dan pengamal undang-undang Majlis Agama Islam Negeri (pelaksana perundangan) mengenai cadangan mewujudkan kodifikasi ini dan implikasinya. Kajian ini menggunakan analisis logit binomial. Hasil kajian mendapati majoriti responden bersetuju dengan cadangan mengkodifikasikan Akta Zakat Nasional. Persetujuan ini dipengaruhi oleh faktor umur, tahap pendidikan dan persepsi kodifikasi dalam kalangan pembayar zakat. Manakala para amil dipengaruhi oleh faktor perjawatan dan persepsi kodifikasi zakat. Kajian mencadangkan penubuhan Majlis Zakat Negara (MZN) supaya akta ini dapat direalisasikan segera, berteraskan konsep federalisme fiskal terhadap sentralisasi (kutipan) dan desentralisasi pentadbiran (agihan) bagi menyokong dasar kutipan dan agihan zakat yang lebih baik dan seimbang.

Kata kunci : Zakat; sentralisasi kutipan; desentralisasi agihan

ABSTRACT

One of the few impasses in the governance of zakat management throughout Malaysia is to overcome the impact of incomprehensive legislation conundrums on zakat. These include the problems of zakat enforcement and the non-uniformity of law between states in Malaysia. The postulated issues have been seen as the driving force of more pressing social maladies, and contribute to a series of collective zakat evasions in the society, loss of confidence in zakat institutions, and most importantly, the small amounts of distribution to the needy throughout all states in Malaysia. These conundrums can be mitigated by codifying National Zakat Act via enforcement of a uniformed legislation at the Federal level. This is specifically aimed towards zakat on income i.e. being the forefront source of zakat institutions for the states. Thus, this study explores early perception of zakat payers, enforcers (amil) and state-level members of the jurisdictions (legislators) on the codification proposal and its implications. This study uses logistic binomial method. The study shows that majority of respondents agreed with the notion of codifying the National Zakat Act. Their agreement are influenced by age, education and perception on codification acts among the payers. Meanwhile posts and perception on the codification influenced the amil. This study proposes an establishment of Majlis Zakat Negara (MZN) for the reinvigorated Act to be realised and enforced at the earliest opportunity based on the fiscal federalism concept on collective centralization (collection) and decentralization governance (distribution) to ensure a policy of a fair and balanced zakat distribution.

Keywords : Zakat; centralized collection; decentralized distribution

PENGENALAN

Jumlah kutipan zakat di Malaysia masih lagi rendah dan antara cadangan meningkatkan kutipan zakat ialah mewujudkan undang-undang mewajibkan mereka yang layak membayar zakat menunaikan tanggung jawab

tersebut kepada institusi yang diiktiraf. Ketiadaan undang-undang ini bukan sahaja mengakibatkan masalah pengelakan membayar zakat bahkan kehilangan keyakinan pembayar zakat sedia ada terhadap kewibawaan institusi zakat bertauliah. Masalah seperti ini dilihat tidak ketara dalam sistem pengurusan cukai negara kerana terdapatnya

undang-undang yang ketat mewajibkan pembayaran cukai dilakukan. Malangnya apabila ketiadaan kodifikasi akta zakat, jumlah mereka yang enggan membayar zakat sangat besar dan agihan zakat menjadi sukar untuk dipantau.

Kajian ini mencadangkan kodifikasi (penyeragaman dan berpusat) Akta Zakat Nasional kerana ia dapat memberikan kesan positif kepada kutipan dan agihan zakat. Kelebihan melalui kodifikasi zakat nasional ini membolehkan kutipan zakat dibuat menggunakan panduan yang seragam di seluruh negara khususnya penentuan had kifayah dalam menentukan status fakir miskin dan nisab yang sama untuk menentukan mereka yang wajib membayar zakat. Sejarah pengurusan zakat di Malaysia menunjukkan bahawa pada awal tahun 1990an, terdapat cadangan penubuhan Lembaga Urus Zakat Malaysia (LUZAM) yang telah dicadangkan oleh Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) bertujuan untuk memusatkan pengurusan zakat di peringkat negara. Implikasinya kutipan zakat semua negeri boleh disatukan dan diberi kepada asnaf mengikut keperluan yang berbeza setiap negeri. Upah bagi amil juga boleh disatukan dan diberi dengan kadar yang sama. Tambahan lagi, kodifikasi zakat akan memastikan pembayar zakat hanya membayar zakat mengikut jumlah yang perlu dibayar sahaja. Sekiranya mereka membayar lebih daripada kadar ditentukan, ia akan dicatat sebagai sedekah dan tidak akan direkodkan di dalam resit zakat. Bagi mereka yang membayar cukai pula tidak boleh menukarkan semua amaun cukai kena bayar kepada bayaran zakat. Kodifikasi ini akan menyebabkan kedua-dua kutipan zakat dan cukai akan bertambah. Walau bagaimanapun cadangan ini tidak dilaksanakan disebabkan oleh urusan zakat adalah merupakan pentadbiran agama yang terletak di bawah bidang kuasa Raja-Raja ataupun kerajaan negeri.

Namun begitu kajian ini didorong oleh beberapa isu semasa yang timbul daripada perbincangan di media massa dan juga beberapa kajian terdahulu yang memerlukan kepada pertimbangan semula cadangan penubuhan sebuah institusi yang menguruskan zakat di peringkat nasional yang dinamakan Majlis Zakat Negara (MZN), namun mekanisme pengurusan dan pentadbiran zakat adalah berbeza dengan institusi LUZAM. Menurut satu laporan daripada media massa menunjukkan seramai 1.2 juta orang masyarakat Islam di Selangor masih belum membayar zakat terutamanya zakat harta manakala secara terperinci pada tahun 2016 menunjukkan anggaran sebanyak 60 hingga 70 peratus masyarakat Islam masih gagal untuk membayar zakat harta. Ini disokong oleh beberapa kajian yang menunjukkan masih ramai individu dan syarikat yang layak membayar zakat harta, namun masih belum ada kesedaran membayar zakat. Contohnya, laporan oleh Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) mendapati hanya 4.2 peratus kakitangan profesional yang membayar zakat harta kepada PPZ tahun 2011,

manakala menurut Mohd Helmi (2002) pula, hampir 80 peratus syarikat Islam tidak membayar zakat korporat. Terdapat beberapa kajian lain yang turut mengesahkan isu ini termasuklah kajian oleh Kamil (2006), Hairunnizam et al. (2007) dan Nur Barizah dan Hafiz Majdi (2010). Implikasi daripada kurangnya kesedaran individu Muslim dan syarikat membayar zakat harta kepada institusi zakat akan memberi impak negatif terhadap jumlah kutipan zakat setiap tahun yang akhirnya akan menjejaskan agihan kepada asnaf. Kajian oleh Jasni dan Anwar (2012) telah menganggarkan potensi kutipan zakat di Malaysia pada tahun 2009 iaitu sekitar RM3 bilion. Walau bagaimanapun kutipan zakat sebenar hanya sekitar RM1.2 bilion. Kajian oleh Anita et al. (2011) juga telah menganggarkan potensi hasil kutipan zakat pendapatan sebanyak RM4.9 bilion sekiranya 4.56 juta individu Muslim membayar zakat melalui mekanisme sistem potongan gaji.

Keadaan semasa yang berlaku menunjukkan masih ramai yang belum membayar zakat harta. Ini memberi implikasi wujudnya bocoran dan ketirisan hasil kutipan zakat akibat keengganan individu Muslim membayar zakat kepada institusi zakat. Dapatan ini disokong oleh kajian Muhsin (2016) yang telah menganggarkan kehilangan hasil zakat harta oleh PPZ sebanyak RM79 juta. Ketirisan dan bocoran hasil zakat juga turut berlaku terhadap zakat fitrah. Kajian menunjukkan anggaran ketirisan zakat fitrah telah berlaku di Malaysia dalam tempoh 2003 hingga 2009 yang mana hasil zakat fitrah yang tidak dibayar kepada institusi zakat telah mengalami peningkatan daripada RM1.8 juta pada tahun 1995 kepada RM5.2 juta pada tahun 2011 (Fidlizan et al. 2015 ; Mohd Yahya et al. 2013). Justeru cadangan kodifikasi akta zakat nasional melalui penubuhan MZN adalah perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang terlibat.

Di samping itu juga, nilai hukuman, denda dan penalti yang rendah terhadap pesalah zakat juga dilihat antara faktor penyebab pematuhan ke atas perundangan zakat masih rendah. Tindakan penguatkuasaan juga tidak boleh dikenakan kerana pihak institusi zakat lazimnya menggunakan kaedah dakwah untuk meningkatkan faktor pematuhan. Tambahan pula, penyeragaman undang-undang zakat juga sukar dilaksanakan kerana bidang kuasa zakat adalah di bawah kuasa negeri masing-masing.

Masalah liputan kawasan kutipan zakat juga berlaku dalam kalangan amil zakat. Berlaku persaingan amil mendapatkan pembayar zakat sehingga ada amil yang mengutip zakat di luar kawasannya atau di negeri lain. Hal ini tidak sepatutnya berlaku dan ia memberi kesan tidak baik kepada perancangan pengagihan zakat di negeri berkenaan.

Kebebasan pembayar memilih negeri untuk pembayaran zakat juga berlaku di mana kajian mendapati 53 peratus daripada sampel pembayar zakat tidak mengulangi pembayaran zakat di tempat mereka bekerja

sebaliknya membayar zakat di negeri lain (Muhsin 2016). Pertindihan bantuan zakat kepada asnaf yang layak memohon lebih daripada satu negeri serta pertindihan bantuan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menerima dana daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang juga mengagihkan zakat kepada asnaf yang sama menunjukkan kelemahan mekanisme agihan zakat yang dilaksanakan oleh negeri.

Kesan perundangan zakat yang berbeza di setiap negeri wujud pula masalah ketidakseimbangan agihan zakat di pelbagai negeri. Negeri-negeri maju seperti Wilayah Persekutuan, negeri Selangor dan Johor mempunyai kutipan zakat yang tinggi berbanding negeri lain seperti negeri Perlis, Kelantan dan Sabah tetapi keperluan kepada agihan zakat berlaku sebaliknya. Negeri yang mempunyai lebih hasil zakat tidak dapat menyalurkan lebih tersebut kepada negeri yang kekurangan dana zakat. Oleh itu, asnaf yang menerima bantuan hanya bergantung kepada kutipan yang diperolehi oleh negeri yang mereka diami sahaja. Tiada ruang dan mekanisma pengagihan zakat dibuat secara makro di peringkat nasional bagi mengimbangi keperluan asnaf di seluruh negara.

Berdasarkan beberapa isu kutipan dan agihan di atas, kajian ini bertujuan meninjau persepsi awal dan faktor yang mempengaruhi persepsi pembayar zakat, amil dan penguatkuasa undang-undang zakat berkaitan cadangan mengkodifikasi Akta Zakat di peringkat Nasional. Persepsi ketiga-tiga kategori responden ini penting bagi menentukan hala tuju cadangan kodifikasi Akta Zakat Nasional pada masa akan datang. Kajian ini memfokuskan kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya disebabkan rekod kutipan zakat pendapatan yang tinggi saban tahun. Tambahan pula, PPZ Wilayah Persekutuan merupakan institusi pengurusan zakat pertama di Malaysia yang mencadangkan penubuhan LUZAM.

KAJIAN LITERATUR DAN TEORI


Terdapat banyak kajian yang telah dibuat menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi kutipan zakat. Namun kebanyakan kajian tersebut memfokus kepada pengaruh keimanan, penswastan institusi zakat dan persepsi terhadap kecekapan agihan zakat yang mendorong masyarakat Islam untuk membayar zakat kepada institusi zakat. Kajian berkaitan perundangan zakat yang pernah dilakukan fokus kepada menentukan kesan perundangan dan penguatkuasaan zakat terhadap tahap pematuhan membayar zakat (Kamil 2006; Mohd Rahim & Norliza 2015). Siti Mashitoh (2007) pula ada mencadangkan mewujudkan akta zakat di peringkat nasional. Namun belum ada kajian yang mengukur persepsi amil dan pembayar zakat ke atas cadangan kodifikasi akta zakat di peringkat Persekutuan. Inilah lompong kajian yang cuba dipenuhi dalam kajian ini.

Kajian berkenaan perundangan zakat pernah dibuat tetapi memfokus kepada menentukan kesan perundangan dan penguatkuasaan zakat terhadap tahap pematuhan pembayar zakat (Kamil 2006; Mohd Rahim & Norliza 2015). Kamil (2006) menyatakan bahawa undang-undang zakat sedia ada bersifat kenegerian dan jauh ketinggalan berbanding cukai pendapatan. Tambahan beliau undang-undang tersebut perlu dibuat seragam mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan. Terdapat banyak juga kajian berkaitan zakat menyatakan terdapat hubungan signifikan di antara penguatkuasaan undang-undang dengan pematuhan pembayaran zakat (Kamil & Ahmad Mahzan 2001; Mohamad Alayuddin 2008; Nur Azura et al. 2005). Model pematuhan zakat boleh mengaplikasi sebahagian besar model pematuhan cukai yang ada.

Model pematuhan cukai adalah berdasarkan Teori Individu Rasional (Hite 1987). Model ini telah diperkenalkan oleh Allingham dan Sandmo (1972), dan kemudian dibangunkan oleh Srinivasan (1973), Yitzhaki (1974), Watanabe (1987), Borck (2004), Hindriks dan Myles (2006), Chorvat (2007), Galbiati dan Zanella (2008) dan Tuzova (2009). Menurut teori individu rasional, individu akan membuat keputusan pembayaran cukai atau tidak bergantung kepada risiko ataupun kos yang bakal dihadapi. Jangkaan kos adalah berdasarkan pengiraan matematik dengan denda yang bakal dikenakan dan kebarangkalian dikesan oleh pihak berkuasa. Pembayar cukai akan mempertimbangkan tindakan beliau mendatangkan kebaikan atau keburukan sama ada mematuhi atau tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan kerajaan (Allingham & Sandmo 1972; Srinivasan 1973). Jika faedah yang dijangka daripada mengelakkan cukai lebih tinggi daripada kos yang dijangka akan ditanggung untuk berbuat demikian, maka individu berkenaan mungkin mengambil keputusan untuk mengelakkan cukai dengan melaporkan pendapatan dengan terkurang nyata atau tidak melaporkan langsung pendapatan mereka. Sebaliknya, jika risiko dikesan oleh pihak berkuasa cukai adalah tinggi dan individu akan mengalami kos yang besar daripada denda atau hukuman yang lain, maka individu itu adalah lebih cenderung untuk membayar cukai. Allingham dan Sandmo (1972) turut menegaskan bahawa kepatuhan ke atas penguatkuasaan cukai akan meningkat sekiranya mereka yang tidak membayar cukai dapat dikenal pasti dan dikenakan penalti atau hukuman yang berat. Pengauditan secara konsisten juga dapat memastikan pematuhan masyarakat ke atas tanggungjawab pembayaran cukai (Friedland et al. 1978). Pencegahan dan pematuhan lebih berkesan ke atas pembayar cukai yang pernah diaudit berbanding sebaliknya (Spicer & Hero 1985; Webley 1987).

Berbeza dengan pematuhan cukai, zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dipenuhi sebagai syarat yang perlu untuk mencapai kesucian dan kebaikan jiwa (Diabi 2013). Kamil (2006) memberi penjelasan

seungguhnya pematuhan zakat boleh mengikut model pematuhan cukai tetapi pelaksanaannya perlu disesuaikan mengikut fatwa dan peraturan yang diwartakan oleh pihak berkuasa zakat. Selain itu, pematuhan zakat juga mementingkan pembayaran zakat melalui saluran yang rasmi (Zulkifli & Sanep 2011). Pematuhan ke atas zakat memenuhi dua tuntutan iaitu agama dan kehidupan dunia berbanding pematuhan cukai yang hanya mematuhi peraturan manusia untuk mengelakkan hukuman dan penalti. Sanep et al. (2011) turut mencadangkan penambahbaikan amalan pematuhan zakat dengan mengambil contoh amalan percukaian seperti Rajah 1 berikut:



RAJAH 1. Model Pematuhan Zakat
Sumber: Chupra (2000)

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa pematuhan ke atas zakat memenuhi tuntutan dua kehidupan dunia dan akhirat dengan mengambil kira kombinasi penguatkuasaan perundangan yang berkesan di samping nilai-nilai Islam seperti ketaqwaan kepada Allah.

Sejarah perundangan zakat pula jelas menunjukkan bahawa penguatkuasaan perundangan zakat telah diamalkan sejak dari zaman Rasulullah saw (Jasni & Anwar 2012). Teori pematuhan cukai turut menyokong bahawa pematuhan ke atas pembayaran cukai adalah lebih baik dengan penguatkuasaan perundangan cukai tersebut. Keadaan ini jelas menunjukkan mekanisme yang diguna pakai di dalam sistem percukaian mampu membantu meningkatkan hasil. Dalam hal ini, kajian bersetuju bahawa pengurusan zakat yang baik patut bermula dengan suatu perundangan yang baik di peringkat nasional melalui sistem sentralisasi kutipan zakat bagi seluruh Malaysia di samping kaedah disentralisasi agihan dari sudut pentadbiran bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan agihan. Kerjasama yang erat di antara

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah penting dalam menjayakan matlamat tersebut. Riker (1964) berpandangan bahawa sentralisasi penting bagi memastikan keberkesanan federalisme. Berdasarkan hujah tersebut, kuasa perundangan di peringkat nasional diyakini mampu menguatkuasakan perundangan zakat dengan lebih cekap dan berkesan. Kuasa di peringkat Persekutuan berupaya memantau setiap lapisan pentadbiran di peringkat negeri dan daerah supaya lebih cekap dan berkesan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Namun pemboleh ubah kualitatif digunakan secara binomial (0 dan 1) untuk mewakili dua (2) nilai kualiti yang berbeza. Justeru, kaedah regresi logistik binomial sesuai digunakan kerana ia dapat menganalisis data kualitatif dan kuantitatif sekaligus. Sampel kajian ini terdiri ialah masyarakat Islam pembayar zakat dan amil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Responden pembayar zakat adalah seramai 177 orang (74.6%) diikuti amil 53 orang (22.4%) menggunakan kaedah pensampelan secara rawak. Manakala pengamal undang-undang MAIN (PUU MAIN) seramai 7 orang (3%) ditemuduga secara lisan untuk melihat justifikasi kodifikasi dari sudut undang-undang. Pemilihan kategori responden berdasarkan keterlibatan yang lama dan pengalaman luas mengenai bayaran atau kutipan zakat.

Data dianalisis menggunakan analisis regresi logistik binomial untuk melihat kebarangkalian persetujuan responden terhadap kodifikasi Akta Zakat Nasional. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini berbentuk dikotomis iaitu samada bersetuju atau tidak dengan kodifikasi Akta Zakat Nasional. Pemboleh ubah-pemboleh ubah peramal (bebas) merupakan data selanjar (skala selang dan skala nisbah) atau skala kategori (skala nominal dan skala ordinal), maka model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model logit. Model analisis regresi logistik seperti dalam kajian Sanep dan Hairunnizam (2005) diubah suai seperti berikut:

Model Bagi Responden Pembayar Zakat:

$$Lp = \ln(P_i / (1 - P_i)) = B_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 \quad (1)$$

- Lp adalah log bagi nisbah persetujuan pembayar zakat terhadap kodifikasi zakat
 X_1 adalah jantina responden (0: Wanita, 1: Lelaki)
 X_2 adalah umur responden
 X_3 adalah tahap pendidikan
 X_4 adalah negeri bayaran zakat dibuat sama ada di Wilayah Persekutuan ataupun sebaliknya
 X_5 adalah persepsi ke atas keseimbangan agihan zakat di pelbagai negeri
 X_6 adalah persepsi ke atas kesan akta zakat peringkat Persekutuan kepada hasil zakat, hasil cukai dan pendapatan negara

Model Bagi Responden Amil:

$$La = \ln (P_i / (1 - P_i)) = B_0 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} + \beta_{12} X_{12} + \beta_{13} X_{13} \quad (2)$$

- La adalah log bagi nisbah persetujuan amil terhadap kodifikasi zakat
 X_7 adalah jantina responden (0: Wanita, 1: Lelaki)
 X_8 adalah status perkahwinan
 X_9 adalah bilangan tanggungan
 X_{10} adalah tempoh berkhidmat dengan badan zakat
 X_{11} adalah kategori perjawatan
 X_{12} persepsi terhadap penguatkuasaan zakat di peringkat Persekutuan
 X_{13} adalah persepsi ke atas kesan akta zakat peringkat Persekutuan kepada hasil zakat, hasil cukai dan pendapatan negara

Terdapat dua model yang akan diuji secara berasingan iaitu model untuk responden pembayar zakat dan model untuk amil yang mengutip zakat. Bilangan soalan bagi pemboleh ubah di dalam model responden pembayar zakat adalah 1 soalan bagi setiap pemboleh ubah kecuali pemboleh ubah X_5 (15 soalan) dan X_6 (13 soalan). Bilangan soalan bagi pemboleh ubah di dalam model responden amil juga adalah satu soalan bagi setiap

pemboleh ubah kecuali pemboleh ubah X_6 (9 soalan) dan X_7 (13 soalan).

HASIL KAJIAN

Dapatan umum kajian merujuk kepada Jadual 1, mendapati peratusan responden dari sudut jantina

JADUAL 1. Demografi setiap Kategori Responden

Item	Pembayar Zakat		Amil		Pengamal Undang-Undang MAIN	
	Kekerapan (Orang)	Peratusan (%)	Kekerapan (Orang)	Peratusan (%)	Kekerapan (Orang)	Peratusan (%)
Jantina						
lelaki	73	41	23	43.4	5	71.4
wanita	104	59	30	56.6	2	28.6
Umur						
kurang 25 tahun	10	5.6				
25- 34 tahun	74	41.8	30	56.6	3	42.9
35-44 tahun	76	42.9	17	32.1	4	57.1
45-55 tahun	15	8.5	6	11.3		
lebih 55 tahun	2	1.1				
Bangsa						
Melayu	176	99.4	52	98.1	7	100
Cina	1	0.6	1	1.9		
Perkahwinan						
bujang	43	24.3	6	11.3		
berkahwin	133	75.1	46	86.8	6	85.7
duda	1	0.6	1	1.9		
janda					1	14.3
Pendidikan						
SPM/Kemahiran	8	4.5	6	11.3		
STPM/Diploma	41	23.2	20	37.7		
Ijazah/Sarjana/PHD	128	72.3	27	50.9	7	100
Tanggungan						
1 – 3 orang	97	54.8	33	62.3	3	42.9
4-8 orang	60	33.9	17	32.1	4	57.1
9 – 12 orang	2	1.1	1	1.9		
Lain-lain	18	10.2	2	3.8		

*Sumber: Kerja Lapangan (2017)

agak seimbang. Didapati 73 orang responden lelaki manakala 104 orang responden wanita bagi pembayar zakat dengan nisbah peratusan masing-masing 41% dan 59% manakala 23 orang responden lelaki dan 30 responden wanita bagi kategori amil dengan peratusan masing-masing 43.4% dan 56.6%. Seramai tujuh (7) orang (71.4%) responden Pengamal Undang-Undang MAIN adalah lelaki manakala 2 (28.6%) adalah wanita. Bagi faktor umur, didapati majoriti responden berumur di antara 25 tahun hingga 44 tahun dengan peratusan responden pembayar zakat 84.7% terdiri daripada peringkat umur tersebut manakala 88.7% bagi amil di samping 100% Pengamal Undang-Undang adalah di dalam peringkat umur yang sama. Di samping itu, majoriti responden adalah berbangsa Melayu dan hanya seorang responden pembayar zakat dan seorang responden amil yang berbangsa Cina. Selain itu, bagi status perkahwinan pula, kebanyakan responden adalah berstatus bujang dan berkahwin dengan peratusan masing-masing bagi pembayar zakat (24.3%) dan amil (11.3%) bagi yang bujang manakala bagi yang berkahwin, peratusan pembayar zakat (75.1%), amil (86.8%) dan Pengamal Undang-Undang MAIN (85.7%). Dari aspek tahap pendidikan responden pula, majoriti responden mempunyai tahap pendidikan yang baik iaitu mempunyai sama ada Ijazah/Sarjana/Phd dengan pembayar zakat seramai 128 orang (72.3%), 27 amil (50.9%) dan 7 orang (100%) Pengamal Undang-Undang MAIN. Selain itu, 41 orang pembayar zakat (23.2%) dan 20 orang amil (37.7%) mempunyai pendidikan tahap Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia ataupun Diploma dan selebihnya iaitu lapan (8) orang pembayar zakat (4.5%) dan 6 orang amil (11.3%) mempunyai pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia ataupun Sijil Kemahiran. Akhir sekali, berdasarkan Jadual 2, kebanyakan responden mempunyai bilangan tanggungan di antara satu (1) hingga lapan (8) orang iaitu dengan 157 orang pembayar zakat (88.7%), 50 orang amil (94.4%) dan tujuh (7) orang Pengamal Undang-Undang MAIN (100%).

Berdasarkan Jadual 2, didapati 145 (81.9%) orang responden daripada sampel 177 orang masyarakat Islam sahaja membayar zakat pendapatan. Daripada jumlah tersebut, hanya 130 orang sahaja yang

JADUAL 2. Profil Pembayar Zakat

Item	Pembayar Zakat	
	Kekerapan (Orang)	Peratusan (%)
Bayar Zakat Pendapatan		
Ya	145	81.9
Tidak	32	18.1
Jumlah Sampel	177	
Tempat Bayar Zakat		
Institusi Kerajaan	130	89.7
Agih Sendiri	11	7.6
Institusi Lain	4	2.8
Jumlah Membayar Zakat	145	
Negeri Bayar Zakat		
Wilayah	87	60
Bukan Wilayah	58	40
Jumlah Membayar Zakat	145	

*Sumber: Kerja Lapangan (2017)

membayar kepada institusi zakat bertauliah Kerajaan manakala 15 orang lagi pembayar mengagihkan sendiri zakat dan membayar kepada institusi tanpa tauliah. Dengan itu, jumlah sebenar ketirisan pembayar zakat adalah sebanyak 47 orang atau pun 27% daripada sampel keseluruhan. Selain itu, berdasarkan bilangan masyarakat yang membayar zakat pendapatan yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan, 87 (60%) orang membayar di Wilayah Persekutuan manakala 58 (40%) orang membayar zakat bukan di Wilayah Persekutuan. Keputusan ini menunjukkan tanpa kodifikasi Akta Zakat Nasional, peratusan masyarakat yang enggan membayar zakat sama ada tidak membayar zakat langsung ataupun membayar zakat kepada institusi yang tidak bertauliah/agihan sendiri masih tinggi.

Jadual 3 menunjukkan min dan skor mengikut konstruk soal selidik. Konstruk meliputi soal selidik berkenaan objektif kajian yang meliputi persoalan berkenaan persetujuan terhadap kecekapan dan keberkesanan perundangan zakat sedia ada, persetujuan cadangan kodifikasi Akta Zakat Nasional dan kesan kodifikasi kepada keseimbangan agihan zakat dan kepada hasil zakat, cukai dan pendapatan negara. Didapati min tertinggi merupakan 3.99 dengan

JADUAL 3. Perbezaan Min dan Skor mengikut Konstruk

Item	N	Min	Sisihan Piawai	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)
Ketidakupayaan Perundangan Sedia Ada – Pembayar dan Amil	230	3.24	1.13	21.7	34	44.3
Ketidakupayaan Perundangan Sedia Ada – PUU MAIN	7	2.64	1.12	57.2	12.9	30
Cadangan Kodifikasi Akta Zakat Nasional	237	3.99	0.95	7.6	15	77.4
Kesan Keseimbangan Agihan Zakat	237	3.90	0.95	8.4	17.8	73.8
Kesan Kepada Hasil Zakat, Cukai dan Negara	237	3.92	0.91	7	18.5	74.5

*Sumber: Kerja Lapangan (2017)

peratusan setuju dengan cadangan kodifikasi Akta Zakat Nasional sebanyak 77.4% diikuti konstruk kesan kodifikasi Akta Zakat Nasional kepada hasil zakat, cukai dan negara dengan min 3.92 (74.5% responden bersetuju) dan kesan kodifikasi Akta Zakat Nasional kepada keseimbangan agihan zakat dengan min 3.90 (73.8% responden bersetuju). Min konstruk perundangan sedia ada adalah rendah iaitu 2.64 (30% responden bersetuju) bagi responden PUU MAIN dan min 3.24 (44.3% responden bersetuju) bagi responden amil dan pembayar zakat menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju dengan perundangan sedia ada mampu menangani masalah pengurusan kutipan zakat. Keputusan ini turut menunjukkan bahawa pihak PUU MAIN menyokong bahawa perundangan zakat sedia ada tidak berupaya untuk memastikan pematuhan masyarakat Islam untuk membayar zakat. Hasil keputusan juga jelas menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan cadangan dan kesan yang dijangka daripada kodifikasi Akta Zakat Nasional.

PENGANGGARAN ANALISIS REGRESI LOGISTIK

Keputusan Cronbach's Alpha bagi soal selidik untuk responden pembayar zakat adalah pada nilai alpha 0.936 manakala bagi responden amil adalah pada nilai alpha 0.960. Ianya melebihi skala 0.6, di mana mengikut (Malhotra 1993) sekiranya nilai alpha melebihi skala 0.6 maka pemboleh ubah ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Ujian padanan model dengan menggunakan kaedah Hosmer dan Lemeshow pula menunjukkan nilai Chi-Square sebanyak 2.265 (sig=0.972) dengan 8 darjah kebebasan bagi Model Pembayar Zakat dan nilai Chi-Square sebanyak 0.686 (sig=1.00) dengan 8 darjah kebebasan bagi Modal Amil. Kedudukan ini menunjukkan bahawa model mempunyai kepadanan yang baik dengan data.

Hasil kajian menggunakan analisis regresi logistik menunjukkan terdapat hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas. Berdasarkan keputusan ujian regresi logistik binomial, didapati bagi Model Pembayar Zakat, daripada enam (6) pemboleh ubah yang diuji, terdapat empat (4) pemboleh ubah yang mempunyai hubungan secara signifikan dengan persetujuan kodifikasi Akta Zakat peringkat nasional pada aras 1% dan 10% iaitu faktor umur, pendidikan, persepsi keseimbangan agihan zakat dan persepsi kesan cadangan kepada hasil zakat, cukai dan pendapatan negara (Jadual 4). Hal ini jelas menunjukkan faktor pendidikan masyarakat Islam yang membayar zakat menyokong kodifikasi Akta Zakat Nasional ini serta implikasi pelaksanaannya terhadap ummah dan negara. Faktor lain yang tidak mempunyai hubungan signifikan dengan persetujuan kodifikasi Akta Zakat peringkat Nasional ialah faktor jantina dan negeri bayar zakat. Ia telah dijangka kerana perbezaan jantina tidak memberi kesan kerana kedua-dua status perlu membayar zakat di dalam Islam selagi individu tersebut layak manakala istilah negeri membayar zakat juga tidak akan wujud lagi kerana kodifikasi akta zakat merupakan perundangan dan pengurusan zakat yang diselaraskan dan disatukan di peringkat Persekutuan.

Bagi Model Amil pula, dua (2) daripada tujuh (7) pemboleh ubah yang diuji mempunyai hubungan secara signifikan dengan persetujuan kodifikasi Akta Zakat peringkat Nasional dengan kepatuhan zakat pada aras 10% iaitu faktor perjawatan dan persepsi kesan cadangan kepada hasil zakat, cukai dan pendapatan negara (Jadual 5). Hal ini menunjukkan bahawa pihak amil yang berada di dalam pengurusan tertinggi lebih arif mengenai keperluan kodifikasi Akta Zakat Nasional serta pengalaman amil secara keseluruhan mendorong mereka untuk bersetuju cadangan ini mampu meningkatkan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara. Ringkasan keputusan analisis regresi logistik binomial ditunjukkan bagi kedua-dua Model Pembayar Zakat dan amil di dalam Jadual 3

JADUAL 4. Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik – Model Pembayar Zakat

Pembolehubah Bebas	Persetujuan Kodifikasi Akta Zakat			
	Tanda Arah	Koefisien (B)	Exp Koefisien (B)	Statistik Wald
Jantina	-	.168	.845	.045
Umur	+	1.353***	3.868	7.189
Pendidikan	-	2.444***	.087	6.561
Negeri Bayar Zakat	-	1.065	.345	1.794
Persepsi – Keseimbangan Zakat	+	.102*	1.107	2.735
Persepsi – Kesan Hasil Zakat, Cukai, dan Negara	+	.645***	1.905	18.400
Konstan	-	23.697	.000	11.301

Nota: *** Signifikan pada aras keertian 1%

* Signifikan pada aras keertian 10%

* Sumber: Kerja Lapangan (2017)

JADUAL 5. Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik – Model Amil

Pembolehubah Bebas	Persetujuan Kodifikasi Akta Zakat			
	Tanda Arah	Koefisien (B)	Exp Koefisien (B)	Statistik Wald
Jantina	+	5.694	296.976	2.010
Tempoh Berkhidmat	+	4.227	68.509	1.176
Perjawatan	-	9.866*	.000	2.709
Status Perkahwinan	+	2.979	19.670	1.644
Tanggungan	+	1.200	3.320	.667
Persepsi – Cadangan Zakat Nasional	-	.107	.899	.054
Persepsi – Kesan Hasil Zakat, Cukai, dan Negara	+	.905*	2.472	3.642
Konstan	-	18.641	.000	.641

Nota: *Signifikan pada aras keertian 10%

*Sumber: Kerja Lapangan (2017)

dan 5. Persamaan regresi bagi Model Pembayar Zakat dapat ditulis seperti persamaan (1) manakala persamaan regresi bagi Modal Amil dapat ditulis seperti persamaan (2) berikut:

$$\text{Log}(P_i/(1 - P_i)) = -23.697 - 0.168X_1 + 1.353X_2 - 2.444X_3 - 1.065X_4 + 0.102X_5 + 0.645X_6 \quad (1)$$

$$\text{Log}(P_i/(1 - P_i)) = -18.641 + 5.694X_7 + 2.979X_8 + 1.200X_9 + 4.227X_{10} - 9.866X_{11} - 0.107X_{12} + 0.905X_{13} \quad (2)$$

Dapatan kajian menunjukkan hubungan signifikan di antara pemboleh ubah bebas umur, pendidikan, persepsi kodifikasi Akta Zakat Nasional akan meningkatkan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara dan persepsi kodifikasi Akta Zakat Nasional akan memberi keseimbangan agihan zakat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa majoriti pembayar zakat yang lebih berumur bersetuju bahawa pelaksanaan Akta Zakat Nasional akan meningkatkan hasil pendapatan dan membuat agihan zakat yang lebih adil kepada masyarakat asnaf di seluruh negara. Tahap pendidikan pembayar zakat didapati merupakan faktor penting mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Dapat diperhatikan log nisbah odds bagi pemboleh ubah bebas umur ialah 3.868 dengan kata lain menunjukkan kebarangkalian pembayar zakat bersetuju dengan cadangan kodifikasi meningkat sebanyak 3.868 dengan peningkatan umur sebanyak 1 tahun. Ini menunjukkan semakin tinggi umur pembayar zakat, mereka semakin memahami keperluan pengurusan zakat disatukan. Sebaliknya odds kebarangkalian mereka bersetuju menurun sebanyak 0.087 dengan peningkatan satu tahap pendidikan yang lebih tinggi (contoh dari diploma ke ijazah). Mereka yang mempunyai tahap pendidikan lebih baik/tinggi mungkin merasakan perlaksanaan kodifikasi adalah sukar kerana perundangan negeri yang berbeza sedia ada. Golongan berpendidikan tinggi mungkin lebih bersetuju sekiranya keutamaan diberikan di negeri tempat

mereka membayar zakat. Dapatan lain menunjukkan odds kebarangkalian pembayar zakat bersetuju dengan cadangan kodifikasi meningkat sebanyak 1.905 dalam skor persepsi yang bersetuju bahawa kodifikasi zakat akan meningkatkan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara. Manakala sebanyak 1.107 unit skor meningkat dalam persepsi yang bersetuju bahawa kodifikasi zakat mampu mewujudkan keseimbangan agihan.

Bagi responden amil pula, berlaku hubungan positif di antara pemboleh ubah bebas perjawatan dan persepsi kodifikasi akta zakat dapat meningkatkan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara dengan pemboleh ubah bersandar. Ini menunjukkan pihak amil yang mempunyai tahap jawatan yang lebih baik bersetuju kodifikasi Akta Zakat Nasional memberi impak positif kepada peningkatan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara. Selain itu, log nisbah odds bagi pemboleh ubah persepsi yang bersetuju bahawa kodifikasi mampu meningkatkan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara ialah 2.472 bererti kebarangkalian amil bersetuju dengan cadangan kodifikasi meningkat sebanyak 2.472 kali bersetuju bahawa kodifikasi zakat akan meningkatkan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara. Kesan peningkatan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara berkemungkinan telah dijangka sekiranya kodifikasi zakat dijalankan kerana pihak amil telah melalui pengalaman dalam menguruskan hal ehwal zakat

Secara keseluruhan, kedua-dua pihak pembayar zakat dan amil bersetuju kodifikasi Akta Zakat Nasional mampu meningkatkan hasil zakat, cukai dan pendapatan negara. Tambahan lagi, hasil keputusan statistik Wald yang tinggi bagi responden pembayar zakat berbanding amil menunjukkan pihak pembayar zakat lebih bersetuju dengan kodifikasi Akta Zakat Nasional berbanding amil. Hal ini berlaku mungkin disebabkan pihak pembayar zakat lebih yakin pengurusan zakat di peringkat Persekutuan akan lebih sistematik, tersusun, cekap dan seimbang di dalam memastikan pengagihan zakat dapat dibuat dengan adil dan seimbang kerana pengalaman dan keyakinan kebanyakan mereka dengan sistem cukai

yang mereka telah terlibat sekian lama. Hanya pihak amil mungkin merasakan kodifikasi Akta Zakat Nasional akan menimbulkan sedikit masalah dari sudut dasar disebabkan perbezaan perundangan, fatwa dan dasar di antara negeri-negeri.

IMPLIKASI DASAR

Di dalam kajian ini, majoriti responden bersetuju dengan kodifikasi Akta Zakat Nasional serta kesan ke atas cadangan tersebut. Kesan kenaikan kepada hasil zakat, hasil derma, hasil cukai dan pendapatan negara merupakan faktor yang penting dalam melaksana dan menjayakan kodifikasi Akta Zakat Nasional ini. Kejayaan meningkatkan hasil-hasil Kerajaan ini merupakan implikasi penting kodifikasi Akta Zakat Nasional. Kepercayaan masyarakat Islam yang membayar zakat dengan kodifikasi akta zakat di peringkat Persekutuan ini jelas menunjukkan cadangan ini dijangka memberikan impak positif kepada pengurusan zakat khususnya dan ekonomi negara secara umumnya. Dasar ini turut disokong oleh keputusan PUU MAIN yang jelas menyatakan perundangan zakat sedia ada tidak efektif dan tidak berupaya memastikan pematuhan di kalangan masyarakat Islam yang layak membayar zakat. Diharapkan dengan terlaksananya cadangan ini, ianya mampu meningkatkan ekonomi negara serta memberi keadilan dan kesaksamaan kepada semua golongan masyarakat di negara ini. Ianya selari dengan matlamat kelestarian ekonomi di mana kodifikasi Akta Zakat Nasional ini merupakan cadangan yang mengambilkira transformasi dasar yang holistik, inklusif dan futuristik. Apa yang penting, sesuatu perundangan yang berkesan dan diyakini dapat memastikan seluruh masyarakat Islam menunaikan tanggungjawab mereka untuk membayar zakat mestilah dilaksanakan. Ia selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud; *“Ambillah sedekah dari harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlah mereka”* (At Taubah 9: 103). Ayat ini menerangkan kewajipan pemerintah memastikan setiap masyarakat Islam menunaikan kewajipan berzakat di samping tanggung jawab kerajaan memaksa pembayaran zakat dilakukan untuk memastikan keadilan dan keseimbangan agihan zakat kepada semua asnaf.

Faktor umur, pendidikan dan persepsi pembayar zakat didapati sangat signifikan mempengaruhi kehendak pembayar zakat merealisasikan kodifikasi akta zakat. Ini kerana mereka jelas mengenai hasrat murni ini memberi impak positif bukan sahaja untuk meningkatkan kutipan bahkan meningkatkan keberkesanan agihan. Penerangan yang lebih jelas dengan mengambil kira faktor-faktor ini boleh meningkatkan lagi kefahaman pembayar zakat meralisasikan hasrat ini. amil yang telah lama berkhidmat juga didapati positif dengan matlamat kodifikasi ini.

Seterusnya cadangan Akta Zakat Nasional perlu diseimbangi dengan cadangan menubuhkan satu institusi

zakat di peringkat nasional iaitu Majlis Zakat Negara (MZN). MZN bertanggungjawab melaksanakan pengurusan kutipan, pentadbiran dan agihan zakat di seluruh negara. Kutipan zakat dilaksanakan secara sentralisasi dengan memasukkan semua hasil kutipan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Zakat. Hasil zakat boleh juga dilaburkan bagi meningkatkan pendapatan zakat untuk asnaf. Dasar agihan secara langsung dan tidak langsung dibuat dengan mengambilkira konsep adil dan seimbang iaitu memastikan semua asnaf di Malaysia mendapat manfaat dan peluang yang sama. Sistem Maklumat Geografik (GIS) dicadangkan untuk diguna pakai bagi mengenal pasti kawasan asnaf di Malaysia supaya tidak ada asnaf yang terkecuali daripada mendapat bantuan zakat. Agihan zakat pula boleh dilaksanakan mengikut konsep desentralisasi pentadbiran (pejabat zakat negeri, daerah dan mukim) bagi memastikan kecekapan dan keberkesanannya (Muhammad Syukri 2006). Model cadangan adalah seperti di Lampiran A.

Secara umumnya terdapat dua entiti utama yang dicadangkan dalam MZN iaitu Bahagian Kutipan (sentralisasi) dan Bahagian Agihan (desentralisasi). Semua kutipan zakat yang diperoleh di seluruh negara akan disatukan di bawah satu tabung Kumpulan Wang Zakat. Sebagai permulaan, tabung ini memberi fokus kepada kutipan zakat pendapatan kerana ia lebih mudah dikutip dan dipantau hasil kodifikasi akta zakat di seluruh negara. Sehingga kini juga zakat pendapatan memberikan sumbangan terbesar kepada pejabat zakat negeri. Kaedah kutipan boleh dibuat melalui Potongan Zakat Berjadual (PZB), bayaran terus ke kaunter zakat, ATM, perbankan internet dan lain-lain. Dana zakat yang terkumpul akan diagihkan secara langsung dan tidak langsung mengikut keperluan asnaf. Agihan secara langsung yang berlandaskan keseimbangan dan keadilan memfokus kepada bantuan sara diri sama ada dalam bentuk tunai atau barang. Manakala agihan berbentuk tidak langsung memberi keutamaan kepada pembangunan fizikal asnaf seperti bantuan modal perniagaan, pendidikan, kesihatan, rumah, bencana alam dan lain-lain. Agihan akan dilakukan oleh MZN secara desentralisasi kepada pejabat zakat negeri, daerah, mukim dan boleh sehingga unit terkecil iaitu masjid. Ini akan dapat memastikan agihan berlaku dengan lebih cekap dan berkesan. Data terperinci berkaitan peta asnaf, bentuk bantuan, aduan kecemasan boleh dikawal secara lebih sistematik menggunakan Sistem Maklumat Geografik (GIS).

KESIMPULAN

Di dalam tempoh jangka panjang, kodifikasi Akta Zakat Nasional memberikan impak yang baik dari sudut penguatkuasaan perundangan, pematuhan oleh pembayar zakat, peningkatan hasil-hasil zakat dan cukai seterusnya meningkatkan hasil pendapatan negara. Dengan penguatkuasaan perundangan yang

komprehensif dan lebih tegas, dijangka dapat meningkat tahap pematuhan masyarakat Islam terhadap pembayaran zakat. Perundangan yang adil, seimbang dan seragam juga dapat memastikan keseimbangan agihan terhadap semua kategori dan lokasi asnaf tanpa mengira perbezaan dari sudut lokaliti. Selain itu, penerapan perundangan dan mekanisme kutipan LHDN dapat membantu institusi zakat dalam memastikan sistem pengurusan kutipan zakat lebih teratur dan sistematik. Kodifikasi Akta Zakat Nasional menimbulkan isu dari sudut persetujuan kuasa perundangan negeri-negeri kerana seperti yang sedia maklum, kuasa agama adalah di bawah kuasa negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Bagi menyelesaikan masalah ini, ianya perlu ditangani secara profesional dan berkesan. Pendekatan susah bersama senang pun bersama dapat diamalkan. Bagi isu penggubalan akta, antara cadangan yang disyorkan adalah kewujudan akta dibuat di bawah Fasal 76(1)(b) dan (c) Perlembagaan Persekutuan, di mana Parlimen adalah dibenarkan menggubal undang-undang yang terletak di bawah Senarai Negeri untuk maksud mengadakan persamaan undang-undang di antara dua buah negeri atau lebih [76(1)(b)] ataupun apabila diminta sedemikian oleh mana-mana Dewan Negeri [76(1)(c)] manakala Fasal 38(6)(d) menyatakan “Anggota Majlis Raja-Raja boleh bertindak menurut budi bicara mereka...berhubungan dengan fungsi yang berikut;... (d) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh”. Pihak Kerajaan juga pernah bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang kewajipan berzakat dengan menggunakan mekanisme sistem kutipan cukai oleh pihak LHDN (Utusan Malaysia 2009) dan mewujudkan Akta Zakat Nasional (Utusan Malaysia 2008). Penggubalan Kanun Tanah Negara 1965 merupakan contoh Parlimen diberi kuasa menggubal perundangan di peringkat bidang kuasa negeri bagi mewujudkan keseragaman undang-undang dan polisi mengenai tanah (Nor Asiah 2013). Dengan itu, cadangan mewujudkan kodifikasi Akta Zakat Nasional di bawah MZN adalah wajar dan boleh dilaksanakan. Namun, setiap cadangan tersebut akan menghadapi sedikit halangan dan cabaran seperti persetujuan kuasa negeri-negeri, jumlah agihan, tempoh masa dan lain-lain. Dengan mengambil kira mekanisme keseimbangan dan keadilan serta semangat *cooperative federalism* di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri, penubuhan MZN boleh direalisasikan dengan peranannya yang lebih menyeluruh, baik dan berkesan.

RUJUKAN

Abd Aziz Itar, '60 peratus pembayar zakat di Selangor ingkar', <http://www.utusan.com.my/rencana/60-peratus-pembayar-zakat-di-Selangor-ingkar-1.367391>, dicapai pada 30 Mei 2018.

- Allingham, M. G. & Sandmo, A. 1972. Income tax evasion: A theoretical analysis. *Journal of public economics* 1(3-4): 323-338.
- Al-Quran. 1987. *Tafsir Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Azhar.
- Anita, M. S., Jusoh, W., Norudin, M. & Kamaruzaman, J. 2011. A robust zakah system: Towards a progressive socio-economic development in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research* 7(4): 550-554.
- Borck, R. 2004. Income tax evasion and the penalty structure. *Economics Bulletin* 8(5): 1-9.
- Chorvat, T. 2007. Tax compliance and the neuroeconomics of intertemporal substitution. *National Tax Journal*: 577-588.
- Chapra, M. U. 2000. *The Future of Economics : An Islamic Perspectives*. UK: The Islamic Foundation.
- Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas Penggal Pertama Mesyuarat Ketiga, <https://www.cijlaw.com/files/hansard/DR/pdf/DR-11112013.pdf>, dicapai pada 30 Mei 2018
- Diabi, A. 2013. The Concept of Zakah Evasion: An Economic Interpretation.
- Fidlizan, M. Y., Mohd Hussin, Azila, A. R. & Salwa Amirah, A. 2015. Ketirisan bayaran zakat fitrah terhadap institusi formal di Malaysia. *Sains Humanika* 5(1).
- Friedland, N., Maital, S. & Rutenberg, A. 1978. A simulation study of income tax evasion. *Journal of Public Economics* 10(1): 107-116.
- Galbiati, R. & Zanella, G. 2012. The tax evasion social multiplier: Evidence from Italy. *Journal of Public Economics* 96(5): 485-494.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Mohd Ali, M. N. 2007. Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat* 29(1): 53-70.
- Hindriks, J. & Myles, G. 2006. *Tax Compliance and Evasion, International Public Economics*. USA: The MIT Press.
- Hite, P. A. 1987. An application of attribution theory in taxpayer noncompliance research. *Public Finance= Finances publiques* 42(1): 105-18. http://intranet.jawhar.gov.my/spmj/public/zkt_statistik_stat.php
- Jasni, S. & Anwar, M. A. 2012. Kajian perbandingan dalam pentadbiran undang-undang kutipan zakat di Provinsi Aceh dan negeri Kedah. *Journal of Malaysian Studies* 30(1).
- Kamil, I. 2006. Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *Journal of ethics, legal and governance* 2: 32-41.
- Kamil, I. & Ahmad Mahzan, A. 2001. Attitude Towards Zakah on Employment Income: Comparing Outcomes Between Single Score and Multidimensional Score. *Malaysian Management Journal* 5(1&2) 47-63.
- Lembaga 2008. Zakat Selangor. Annual report. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor.
- Mohamad Alayuddin. 2008. Pematuhan Zakat dan Cukai di Kalangan Syarikat-Syarikat Bumiputera. *Seminar Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan*.
- Malhotra, N.K. 1993. *Marketing Research*. Portland: Prentice Hall.
- Mohd Helmi, F. 2002. Hampir 80% Syarikat Islam Tidak Bayar Zakat, Utusan Malaysia, 4 Mei 2002.
- Mohd Rahim, K. & Norliza, C.Y. 2015. Does Law Enforcement Influence Compliance Behaviour of Business Zakat among SMEs?: An Evidence via Rasch Measurement Model. *Global Journal Al Thaqafah* 5(1): 9-32.

- Muhammad Syukri, S. 2006. Lokalisasi Pengagihan Zakat: satu Cadangan Teoritis. dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensyariatan, perekonomian & perundangan*.
- Mohd Yahya, M. H, Fidlizan, M. & Mohamad Ali Rohsidi, A. 2013. Kepatuhan membayar zakat: Analisis kutipan dan ketirisan zakat fitrah di Selangor. *Jurnal Syariah* 21(2): 191-206.
- Muhsin, N. P. 2016. Isu Kehilangan Pembayar Zakat : Kajian Kes Di Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan Malaysia.
- Nor Asiah, M. 2013. Kedudukan Tanah Dan Sumber Hasil Menurut Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Nur Azura, S., Norazlina A.W. & Nor Fadzlin, M.B. 2005. Gelagat Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan: Kajian Kes UUM. *Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia*. 29-30 August. Kedah, Malaysia, 275-296.
- Nur Farhana Abdul Rahman, '1.2j layak zakat tak tunai tanggungjawab', <http://www.sinarharian.com.my/edisi/selangor-kl/1-2j-layak-keluar-zakat-tak-tunai-tanggungjawab-1.680225>, dicapai pada 30 Mei 2018
- Nur Barizah, B. & Hafiz Majdi, R. 2010. Motivations of paying Zakat on income: Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance* 2(3): 76.
- Riker, W. H. 1964. Federalism: Origin, operation, significance Ed.: Boston: Little, Brown.
- Sanep, A., Nor Ghani, M. N. & Zulkifli, D. 2011. Tax-Based Modelling of Zakat Compliance. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 45: 101-108
- Siti Mashitoh, M. 2007. Sistem perundangan zakat di Malaysia: Antara realiti dan harapan. *Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan*: 1-21.
- Spicer, M. W. & Hero, R. E. 1985. Tax evasion and heuristics: A research note. *Journal of Public Economics* 26(2): 263-267.
- Srinivasan, T. N. 1973. Tax evasion: A model. *Journal of public economics* 2(4): 339-346.
- Tuzova, Y. 2009. A model of tax evasion with heterogeneous firms. *Journal of International Law* 69(2): 145-149.
- Utusan Malaysia. 2008. Akta zakat nasional bakal digubal selaras sistem pungutan dan agihan zakat, 5 Ogos.
- Watanabe, S. 1987. Tax Evasion and Asymmetric Laffer Curve. *Public Choice Studies* 10.
- Webley, P. 1987. Audit probabilities and tax evasion in a business simulation. *Economics Letters* 25(3): 267-270.
- Yitzhaki, S. 1974. Income tax evasion: A theoretical analysis. *Journal of Public economics* 3(2): 201-202.
- Zulkifli, D & Sanep, A. 2011. Kesan Perundangan Ke Atas Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan: Pengalaman Aceh. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*.


Mohd Suffian Mohamed Esa
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
E-mail : suffian@mawip.gov.com

Mohd Ali Mohd Noor*
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
E-mail : ali@ukm.edu.my

Hairunnizam Wahid
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
E-mail: hairun@ukm.edu.my

* Penulis koresponden

LAMPIRAN A. Model Pengurusan Zakat Peringkat Kebangsaan



*Sumber: Diubahsuai dari Model Anita et al. (2011)